

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 1 TAHUN 1975

GADAIAN TANAH KEPADA LEMBAGA LOTERI PERKHIDMATAN MASYARAKAT DAN KEBAJIKAN

Satu keraguan telah timbul iaitu sama ada Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan boleh atau tidak memegang gadai tanah-tanah yang hendak digadai kepadanya sebagai cagaran ‘agency right’ yang diberikan kepada wakil-wakilnya.

2. Perkara yang dibangkitkan itu telah dirujukkan kepada Penasihat Undang-undang Negeri Kelantan dan juga Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan dan kedua-duanya telah memberi nasihat bahawa Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan tidak ada diberi kuasa memiliki harta tetap kerana tujuan-tujuan yang lain selain daripada yang tersebut dalam Seksyen 3(2) Undang-undang Social and Welfare Services Lotteries Board Ordinance 1950 yang dipinda oleh Akta 84/1965. Dengan ini juga nyatakan bahawa Lembaga itu tidak boleh memegang gadai sesuatu tanah. Dengan ini juga bermaknalah gadaian-gadaian yang telah didaftar adalah tidak sah dari segi undang-undang kerana bercanggah dengan peruntukan Seksyen 43 Kanun Tanah Negara.

3. Oleh itu Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah dinasihatkan supaya mengambil ingatan dan melaporkan segera ke pejabat ini jika ada terdapat mana-manan tanah yang telah digadai kepada Lembaga yang tersebut.

t.t

(Mohd Tajol Aros bin Ahmad)
Pengarah Tanah dan Galian
Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN**

KOTA BHARU : 6HB. SEPTEMBER 1975

PTG.Kn.5075/(7)